

22 JUL 1997

Mohamed - Kempen

PERDANA MENTERI LANCAR KEMPEN TEKNOLOGI MAKLUMAT OGOS INI

MELAKA, 22 Julai (Bernama) -- Kementerian Penerangan akan menganjurkan kempen teknologi maklumat untuk memberi pendedahan meluas serta membudayakan masyarakat dengan dunia teknologi maklumat.

Menterinya Datuk Mohamed Rahmat berkata tema kempen itu ialah "Teknologi Maklumat Budaya Hidup Kita" yang akan memberi penekanan terhadap faedah penggunaan teknologi maklumat di kalangan masyarakat.

Beliau berkata kempen itu akan dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Ogos ini.

"Bagaimanapun tarikh bagi pelancaran itu belum ditentukan lagi...kita kena tunggu masa yang sesuai dengan Perdana Menteri," katanya kepada pemberita selepas perasmian Persidangan Pengarah-pengarah Jabatan Penerangan seluruh negara oleh Ketua Menteri, Datuk Abu Zahar Isnin. Hadir sama Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Shafie Apdal.

Mohamed berkata upacara pelancaran kempen itu akan disiarkan secara langsung ke seluruh negara dari Angkasapuri.

Beliau berkata kerajaan bermatlamat untuk menggunakan teknologi maklumat dengan kemudahan dan kebaikannya dengan sepenuhnya tetapi usaha itu perlukan penyertaan menyeluruh rakyat.

"Rugi jika ada segolongan masyarakat di negara ini yang menolak penggunaan teknologi maklumat kerana nanti mereka boleh tergolong dalam masyarakat yang buta huruf," katanya.

Mohamed berkata dengan adanya Koridor Raya Multimedia (MSC), rakyat di negara ini berpeluang memperolehi seberapa banyak maklumat terkini mengenai penemuan baru di bidang perubatan, sains dan teknologi.

Beliau juga menyeru kepada semua kerajaan negeri supaya turut menjayakan kempen berkenaan supaya tidak ada lagi kalangan masyarakat yang akan terkejut dengan kehadiran teknologi maklumat.

Beliau berkata terdapat golongan yang cuba menakut-nakutkan rakyat terhadap penggunaan teknologi maklumat dengan mendakwa ia boleh merosakkan pemikiran terutama golongan remaja.

"Golongan itu memang tidak sukakan kemajuan dan mereka hanya memandang dari segi negatif sahaja...kita kena pandang positif terhadap kemajuan dan berfikiran terbuka," katanya.

Mohamed juga berkata Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) sedang mengadakan perbincangan stesen televisyen satelit ASTRO bagi mendapatkan hak penyiaran tertunda bagi perlawanan-perlawanan bolasepak dan tinju antarabangsa.

ASTRO telah mendapat hak menyiarkan 200 perlawanan bolasepak Liga Perdana Inggeris, Piala FA Inggeris, Liga Divisyen Satu Inggeris dan beberapa kejohanan antarabangsa bolasepak serta juga tinju, katanya.

Mohamed yang juga Setiausaha Barisan Nasional berkata BN mempunyai harapan memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri Kelantan kawasan Semerak dalam pilihan raya kecil 11 Ogos ini kerana kawasan itu bukannya kubu kuat PAS.

"Pada pilihan raya umum lepas calon PAS hanya menang dengan majoriti kecil," katanya

Pilihan raya kecil itu diadakan berikutan kematian Sulaiman Ahmad, 63, pada 6 Julai lepas setelah diserang angin ahmar.-- BERNAMA

MYD MAI